

Isteri dibelasah depan anak

Harian METRO 21/05/2010 V10

Anak sulung menangis minta ibu tak bantah hamburan (Variasi)
amarah bapa untuk elak tindakan lebih teruk

TRAGIS dan cukup menyayat hati apabila insan yang sepatutnya bergelar pelindung menjadikan diri tidak ubah seperti 'beg tinju' hingga

menimbulkan trauma seumur hidup bagi mendekati individu bergelar lelaki.

Malah pengalaman menjadi mangsa dera dalam kes keganasan rumah tangga sama

ada secara fizikal termasuk seksual dan psikologi tidak mungkin dapat dilupakan begitu saja walaupun mulut sudah memaafkan dan hati sudah melupakan perbuatan lalu.

Ikuti pengalaman mangsa keganasan rumah tangga seperti diceritakan kepada wartawan, **Rosmallana Aida Mohd Adnan** (rosmaliana@hmetro.com.my)

BAGI Kak Mawar (bukan nama sebenar), 39, setiap wanita bergelar isteri tidak akan pernah menyangka akan diperlakukan sebegitu rupa terutama jika tempoh perkahwinan yang dilalui agak lama.

Menurut mangsa keganasan rumah tangga ini, dia dan suami agak lambat memiliki anak. Mereka mengambil masa 10 tahun baru dikumiakan permata hati pertama dan kemudian anak kedua dan ketiga.

“Sebelum ini kami tidak pernah mengalami sebarang masalah tetapi kini mungkin disebabkan tanggungjawab yang dipikulnya makin bertambah berat, perangnya mula berubah dan sikap panas barannya mula terserlah.

“Dia mula mengabaikan tanggungjawabnya terutama dari segi pemberian nafkah khususnya kepada anak-anak dan akan mengamuk sekiranya saya mempersoalkannya,” katanya ketika ditemui di sebuah rumah perlindungan wanita di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tindakan suami pula semakin lama semakin ganas dan memperlakukan dirinya seolah-olah barang untuk melepaskan tekanan yang dihadapi di luar rumah.

“Saya tidak kisah jika dipukul tanpa membabitkan anak-anak tapi pernah satu ketika dia memukul saya di hadapan anak sulung saya.

“Ketika menyaksikan saya dipukul, anak turut menangis dan meminta saya supaya tidak membantah apa yang dilakukan bapanya bagi mengelakkan tindakan lebih teruk,” katanya.

Ibu mana tidak sedih melihat anak menangis ketakutan dan merayu-rayu sebegitu.



“

Saya tidak kisah jika dipukul tanpa membabitkan anak-anak tapi pernah satu ketika dia memukul saya di hadapan anak sulung ketika menyaksikan saya dipukul, anak turut menangis dan meminta saya supaya tidak membantah apa yang dilakukan bapanya bagi mengelakkan tindakan lebih teruk”



“

Pada bulan kelima mengandung, dia pernah mencekik saya disebabkan tidak berpuas hati dengan perbuatan saya ketika itu. Malah ada satu ketika dia memukul saya hingga pecah bibir kerana terlalu marah”

>Hani
Mangsa

"Hingga kini anak lelaki saya akan mengingatkan supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan saya dipukul.

"Bimbang perlakuan suami ditiru anak lelaki saya, saya mengambil keputusan untuk meninggalkannya. Biarlah saya berpisah jika itu yang sudah tersurat dalam kamus hidup saya," katanya.

Kini proses perceraian masih berlangsung, tetapi disebabkan bimbang dengan keselamatan diri dan anak, Mawar nekad mencari perlindungan sehingga semua perkara terbabit selesai.

"Saya pernah ditumbuk sekuat hati di muka dan badan serta dibelasah semahunya hanya kerana menegur mengenai tanggungjawab yang diabaikannya selama ini.

"Kepala dan badan saya lebam dan bengkak teruk hingga menyebabkan saya mendapatkan rawatan di hospital tapi saya masih lagi cuba bertahan demi anak-anak," katanya.

Selepas membuat pertimbangan sewajarnya, keputusan untuk meninggalkan suami adalah jalan terbaik walaupun tidak mendapat restu keluarga.

"Mereka tidak mengalami apa yang saya alami selama ini sebab itu mereka memberikan pelbagai andaian. Tapi jika berada di tempat saya kini, apa yang akan mereka lakukan?"

"Saya tidak mungkin kembali kepadanya walau sebanyak

mana dia merayu kerana cukuplah dengan apa yang berlaku selama ini. Biarlah saya dan anak-anak menjalani kehidupan sihat seperti orang lain," katanya dalam nada sedih.

Bagi Kak Hani (bukan nama sebenar), 39, pula, tekanan psikologi daripada suaminya dulu mengakibatkan dirinya mengalami tekanan perasaan yang tidak terhengga.

Mujurlah kekuatan iman banyak membantu dalam mengharungi badai melanda di samping wajah comel dua anaknya mengingatkan bahawa tanggungjawabnya masih ada. Untuk itu, dia tekad untuk berpisah.

Kini dia yang masih lagi dalam proses perceraian bertindak mencari perlindungan bagi memastikan keselamatannya dan anak-anak terjamin sepanjang proses terbabit.

Menceritakan kisah hidupnya sepanjang empat tahun bergelar isteri, menurutnya, di awal perkenalan dengan suami tidak pernah terlintas di fikiran lelaki yang dikenalnya itu seorang yang panas baran, cemburu buta dan suka mengongkong.

"Belangnya mula terserlah sehari selepas majlis perkahwinan kami. Dia mula menunjukkan kekuasaannya sebagai lelaki bergelar suami.

"Habuan seperti sepak terajang, penampar adalah 'makanan' harian saya. Malah sekiranya saya lambat mengangkat telefon suami akan menuduh ada lelaki lain di

rumah bersama saya ketika itu," katanya.

Paling memeritkan katanya, ketika mengandungkan anak sulung yang kini disahkan menghidap autisme, perlakuan ganas sebegitu tidak pernah berhenti walaupun ketika itu dia mengandung.

"Pada bulan kelima mengandung, dia pernah mencekik saya disebabkan tidak berpuas hati dengan perbuatan saya ketika itu. Malah ada satu ketika dia memukul saya hingga pecah bibir kerana terlalu marah.

"Malah sepanjang sembilan bulan mengandung, dia tidak pernah memberikan sebarang bantuan kewangan sebaliknya saya menggunakan wang simpanan sendiri," katanya.

Di samping itu, Hani juga akui, suaminya turut mengongkong pergerakannya. Dia tidak dibenarkan bercampur dengan jiran tetangga, menonton televisyen, membuka pintu ataupun tingkap rumah dan paling menyayat hati, dia tidak dibenarkan menghubungi ahli keluarga sendiri.

"Setiap pergerakan saya dipantau setiap saat seolah-olah sebelum ini saya pernah melakukan kesalahan besar padanya. Saya amat tertekan dengan keadaan itu.

"Pemah kakak saya datang ke rumah untuk melawat tapi dimarahi dan dihalau balik seolah-olah melanggar pantang larang terbesarnya. Malah 'hukuman' dikenakan untuk saya juga berat," katanya.

Dia yang berasal dari Selangor, tidak pernah menceritakan masalah rumah tangga dan penganiayaan yang berlaku ke atasnya kepada sesiapa pun termasuk adik beradik.

"Saya tidak mahu kesengsaraan yang ditanggung itu menjadi isu yang boleh memecahbelahkan keluarga. Lagipun saya malu untuk bercerita mengenai keburukan suami kepada mereka kerana bimbang dipandang rendah.

"Lantas saya hanya memendam kesedihan ini sendirian hingga pada satu saat ia tidak mampu untuk diselindungi lagi," katanya.

"Disebabkan tidak dapat lagi bersabar dengan keganasan dilakukan ke atasnya, Hani nekad untuk melepaskan diri daripada 'penjara hidup' berkenaan dan bertindak mencari perlindungan.

"Sebelum ini saya hanya bersabar atas segala tindakannya kerana memikirkannya anak tapi akibat perlakuannya yang pernah memukul saya di hadapan anak, saya nekad meninggalkannya kerana bimbang anak juga akan mengalami nasib yang sama.

"Kini saya hanya berharap agar suami dapat melepaskan saya daripada ikatan yang menyebabkan hidup saya derita.

"Biarlah saya hidup sendirian bersama anak sekiranya itu yang boleh mententeramkan hidup kami anak-beranak," katanya.

Pendera ingin terus
berkuasa, kawal mangsa

KEGANASAN rumah tangga adalah isu yang sering dikaitkan dengan penganiayaan dan kekejaman yang berlaku terhadap wanita hingga menyebabkan mereka mengalami tekanan perasaan serta trauma berpanjangan.

Kebiasaannya ia berlaku dalam pelbagai segi sama ada secara psikologi, fizikal, seksual, keganasan pertuturan (maki hamun dan cacian), ugutan serta gangguan atau pengabaian emosi dan kewangan.

Masalah keganasan keganasan rumah tangga tidak hanya tertumpu pada satu-satu golongan kerana ia boleh berlaku kepada sesiapa saja tanpa mengira kedudukan dan profesion.

Ini disebabkan pendera ingin terus berkuasa dan mahu mengawal mangsa. Disebabkan itu, kebanyakan pendera terdiri daripada golongan lelaki dan mangsa adalah wanita atau kanak-kanak walaupun ada kalanya ia berlaku sebaliknya.

Menurut Pakar Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Suradi Salim, terdapat banyak faktor mencetuskan kejadian keganasan rumah tangga.

Antaranya, kehilangan perasaan kasih terhadap pasangan, sifat pasangan yang suka membuli, tekanan dan individu berkenaan turut dibesarkan dalam keadaan keluarga yang mengalami masalah keganasan rumah tangga.


Menurutnya, kebanyakan pasangan akan merasai baik buruk perangai masing-masing hanya apabila tinggal bersama selepas berkahwin.

"Sebelum berkahwin ada kalanya pasangan tidak mendedahkan sifat sebenar mereka dan hanya diketahui selepas itu saja. Oleh itu, sedikit sebanyak ia memberikan tekanan apabila tidak memenuhi kriteria seperti yang diharapkan.

"Untuk menyalurkan tekanan dihadapi, mereka menggunakan kekerasan terhadap pasangan masing-masing hingga mengakibatkan berlakunya keganasan dan tanpa disedari ia berlarutan buat masa yang lama," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Selain itu katanya, tekanan yang dihadapi sama ada di tempat kerja ataupun secara sosial turut memberikan impak kepada kejadian terbabit.

"Apabila semua perkara ini bercampur aduk hingga mengakibatkan keresahan dan ketidakseimbangan emosi, maka cara paling mudah untuk mengatasinya adalah melalui perlakuan fizikal (keganasan),



SURADI... banyak faktor mempengaruhi.



IVY... masalah keganasan berlaku pada semua kaum.

"Siapa mangsa paling mudah? Sudah tentu isteri. Kebanyakan daripada perlakuan terbabit dilakukan dalam keadaan sedar ataupun secara tidak sedar tanpa sebarang pertimbangan rasional daripada si pelakunya," katanya.

Suradi berkata, untuk mengatasinya individu terbabit dikehendaki jangan bersikap berdiam diri dan perlu berkongsi masalah dengan orang lain.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Ivy Josiah, berkata masalah keganasan ini tidak hanya berlaku ataupun diklasifikasikan pada satu-satu kaum kerana ia membabitkan semua.

Bagaimanapun, apa yang membezakannya adalah cara ia diatasi iaitu sama ada wanita terbabit berani untuk tampil ke hadapan melaporkan perkara itu

ataupun hanya pendamkannya tanpa sebarang tindakan.

Masalah ini bukan diukur melalui bilangan kes itu berlaku kerana situasi yang dihadapi sabban tahun tetap sama, rata-rata wanita dianiayai tanpa mendapat sebarang pembelaan sewajarnya.

Ivy berkata, hingga April 2010 terdapat 42 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dan diserahkan kepada WAO.

"Sepanjang 2009 dan 2008, sebanyak 119 kes dilaporkan. Daripada keseluruhan kes dikumpulkan tahun lalu saja, 89 kes membabitkan keganasan diselia WAO.

"Walaupun jumlah itu nampak sedikit, kesan dan tekanan dihadapi setiap wanita yang menjadi mangsa sangat besar," katanya. Ada antara mereka yang cuba bertindak di luar batasan dengan

mengambil keputusan untuk membunuh diri.

"Ini dibuktikan daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan pada tahun lalu iaitu 39 peratus daripadanya sudah melakukan cubaan bunuh diri, 40 peratus pernah memikirkan untuk membunuh diri manakala 26 peratus lagi sudah melakukan cubaan terbabit lebih daripada sekali.

"Malah ada seorang wanita yang sudah melakukannya lebih daripada enam kali. Bayangkan betapa besarnya bebanan dan tekanan dihadapi oleh mangsa sekiranya tidak dilakukan sesuatu untuk membantu mereka," katanya.

Menurutnya, tempoh masa keganasan rumah tangga yang dilalui wanita terbabit juga agak lama kerana masing-masing malu untuk tampil melaporkan kejadian.

"Boleh dikatakan daripada 89 kes sedia ada, enam wanita terbabit dalam keganasan selama 16 hingga 20 tahun, empat lagi lebih daripada 20 tahun manakala selebihnya di bawah tempoh masa itu.

"Jika melihat kepada jangka masa setiap wanita terbabit teraniaya, rumusnya mereka secara berterusan menyembunyikan perkara ini daripada umum hingga ke satu peringkat yang tidak dapat dikawal lagi," katanya.

Oleh itu katanya, kesedaran mengenai hak yang ada bagi wanita mendapatkan perlindungan perlu diperluaskan bagi membuka mata mereka untuk tampil mendapatkan bantuan dan perlindungan sewajarnya.

Tip untuk mengelakkan masalah keganasan rumah tangga daripada terus berlaku:

- Dalam keadaan dunia bertambah moden, perlu adakan banyak pertubuhan yang menjaga kebajikan dan perihwal wanita.
- Setiap wanita perlu mengetahui setiap kali diganasi, mereka perlu membuat laporan kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikannya.
- Jika menghadapi masalah dalam perkahwinan, gunakan khidmat pakar untuk membantu mencari punca permasalahan.
- Pasangan juga perlu sentiasa memperbaiki diri, jangan tertinggal terlalu jauh daripada pasangan dikahwini daripada segi kerjaya, pengetahuan dan pelajaran.
- Selepas berkahwin perlu sentiasa berusaha untuk mengambil hati pasangan dikahwini dan jangan ambil mudah perkara ini.